



JADI KEBANGGAAN: Abdullah menandatangani secara digital pada majlis pelancaran MSC Malaysia Cybercity @ Kulim High Tech Park (KHTP) di Kulim, semalam. Turut memerhati, Mahdzir dan Ketua Pegawai Eksekutif KHTP, Datuk Ahmad Shukri Tajuddin.

Swasta disaran bantu bangun ICT

KULIM: Sektor korporat perlu memainkan peranan aktif melaksanakan tanggungjawab sosial termasuk dalam industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, menerusi pembabitan sektor swasta itu, lebih ramai rakyat akan mendapat manfaat daripada industri berkenaan, seiring matlamat kerajaan memperluaskannya untuk semua rakyat.

"Ini adalah satu perkara penting, ICT adalah untuk semua sama ada di bandar atau luar bandar, semua rakyat perlu diberi kesempatan untuk menikmati ICT, sama ada untuk berniaga atau kegiatan lain," katanya.

Abdullah berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran MSC Malaysia Cybercity @ Kulim High Tech Park (KHTP) di Kulim Golf and Country Resort di sini, semalam.

Pada majlis itu, Perdana Menteri menyatakan kegembiraannya kerana pelbagai syarikat korporat bergabung menjayakan projek 'e-smart learning' yang dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Ketil, Kedah.

Projek itu membabitkan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri serta swasta bagi menyediakan persekitaran e-pintar untuk kemudahan pelajar sekolah berkenaan.

Ia adalah strategi jangka panjang untuk menyediakan modal insan masa depan yang celik dan pintar ICT di sekolah luar bandar. Menerusi projek itu, sekolah berkenaan dilengkapi kemudahan ICT.

"Kerajaan amat menggalakkan dan menyokong kuat inisiatif begini yang memanfaatkan rakyat. Oleh itu, saya amat berharap lebih banyak lagi projek usahasama korporat dan komuniti dilaksanakan

pada masa depan," katanya.

Sementara itu, penganugerahan status MSC Malaysia Cybercity kepada Kulim High Tech Park (KHTP) akan merancakkan usaha menjadikan kawasan itu pusat fabrikasi wafer nasional berteraskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata KHTP yang ditubuhkan pada 1994, dibangunkan sebagai sebuah bandar siber yang memberi penekanan untuk menjadikannya pusat fabrikasi wafer.

"Hari ini, tibalah masanya kerajaan negeri menerima status ini bagi membuktikan komitmen kita membangunkan KHTP," katanya.

Mahdzir berkata, jika Koridor Raya Multimedia (MSC) di Putrajaya dan Cyberjaya memberi penekanan khusus kepada ICT, tumpuan KHTP pula dalam bidang pembuatan teknologi tinggi dan fabrikasi wafer yang menggunakan kepakaran ICT

sebagai platformnya.

KHTP juga dalam proses untuk muncul sebagai pusat kecemerlangan bagi aktiviti 'Silicon Wafer Fabrication' di Malaysia dengan menempatkan pelbagai syarikat berstatus MSC yang terbabit dalam aktiviti berkaitan dengan fabrikasi wafer seperti TC Design House' dan 'Photomasking'.

Beliau berkata, Kedah kini mempunyai dua kawasan berstatus MSC iaitu di KHTP dan Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok.

"Sebenarnya bagi Kedah, status MSC bagi institusi Pengajian tinggi sudah pun diberikan kepada UUM pada 1999, iaitu institusi Pengajian tinggi awam pertama yang diberi status MSC," katanya.

Mahdzir berkata, enam syarikat berstatus MSC beroperasi di KHTP dan terdapat banyak lagi syarikat lain bercadang untuk menjadikan kawasan itu sebagai lokasi mereka.